

Helaian fakta untuk kanak-kanak di Malaysia

# KANAK-KANAK, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR



**Corak cuaca di Malaysia sedang berubah. Pernahkah anda perasan tentang perubahan ini atau mendengar berita mengenainya?**



Hujan yang sangat lebat dan berpanjangan



Hari yang sangat panas



Peningkatan kesan cuaca ekstrem seperti:

- Banjir
- Tanah runtuh
- Kemarau
- Ribut
- Kebakaran hutan

Ini adalah sebahagian daripada kesan **perubahan iklim**.

Perubahan iklim semakin meningkat secara mendadak akibat peningkatan pelepasan **gas rumah hijau**. Gas ini terhasil daripada aktiviti seperti:

- **Pembakaran bahan api fosil** (seperti arang, minyak dan gas) untuk menghasilkan bekalan elektrik dan menjana tenaga untuk pengangkutan dan industri
- **Penyahhutan** (penebangan hutan dan pokok ditebang)
- **Penternakan dan penggunaan baja kimia** serta gas berfluorin.

**Kemerosotan alam sekitar** pula terjadi kerana:

- pencemaran
- perubahan penggunaan tanah
- pembangunan bandar (urbanisasi), peningkatan populasi penduduk dan perindustrian.

**Tahukah anda?**

**1** Perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar di Malaysia **semakin meningkat secara mendadak**.

**2** Kanak-kanak terkesan dengan perubahan ini, dari segi:

- **kesihatan dan keselamatan** (penyakit berjangkit mudah merebak ketika banjir dan ribut boleh mengakibatkan kecederaan)
- **pendidikan** (jalan ke sekolah rosak akibat tanah runtuh dan sekolah ditutup akibat jerebu)
- **punca pendapatan terjejas pada masa akan datang** (ketidakstabilan sumber pendapatan akibat perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar).

**3** Kanak-kanak dalam komuniti terpinggir lebih berisiko tinggi. Golongan ini termasuk kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan, kanak-kanak tanpa dokumen atau kanak-kanak kurang upaya. Kebanyakan mereka tinggal jauh dari sekolah dan klinik, di kawasan yang terdedah kepada banjir dan tanah runtuh.

**4** Kanak-kanak lelaki dan perempuan terkesan dengan kaedah berbeza.

Kanak-kanak perempuan lebih terkesan dengan pencemaran udara, banjir dan ribut. Kanak-kanak lelaki mungkin terpaksa berhenti sekolah untuk menjana pendapatan jika ibu bapa tidak dapat bekerja kerana cuaca yang ekstrem.



# Bagaimana kesihatan dan keselamatan kanak-kanak terjejas?

1



**Banjir** boleh menyebabkan kecederaan, kematian dan peningkatan penyakit berjangkit melalui air yang tercemar. Ketika banjir, adalah sukar untuk memastikan diri sendiri dan persekitaran sentiasa bersih. Kita mungkin mengalami masalah kulit, masalah perut, kolera dan leptospirosis.

2



**Pencemaran udara** boleh mengakibatkan pelbagai masalah kesihatan. Apabila udara kotor, kita boleh menghadapi masalah seperti asma dan bronkitis.

3



**Penyakit bawaan vektor (seperti nyamuk)** sangat mudah merebak bergantung kepada iklim semasa. Contohnya, hujan lebat (yang mewujudkan tempat pembiakan nyamuk) boleh menyebabkan kenaikan kes denggi.

4



**Pendedahan kepada bahan kimia dan sisa bahan berbahaya** boleh mengakibatkan masalah kesihatan yang serius.



Pastikan suara anda didengari

**Sertai** platform dan forum di mana anda boleh **menyumbang** idea dan pendapat. Gunakan media sosial untuk **meningkatkan kesedaran** tentang bahayanya perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar.

Apa yang boleh anda lakukan?



Ingatkan semua orang bahawa polisi kerajaan sepatutnya melindungi anda

Ingat! **Dasar dan undang-undang** negara kita mengenai perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar mesti **mengambil kira hak kanak-kanak**.

Tuntut pendidikan yang lebih baik.



**Pembelajaran di sekolah** perlu merangkumi topik perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar. Ini akan **memperkasakan anda dengan pengetahuan dan kesedaran** untuk mengambil tindakan iklim dan alam sekitar.

Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana perubahan iklim boleh memberi kesan kepada anda:

<https://unicef.org/malaysia/reports/impact-climate-change-children>

